

DATE : 13 NOV 2017
 PUBLICATION : BERITA HARIAN
 SECTION : BISNES
 HEADLINE : BELUM ADA PETUNJUK TENTU ARAH PERGERAKAN
 CATEGORY : MENTION
 MEASUREMENT : 248.8CM²
 TONE : NEUTRAL
 REMARKS : NIL

Belum ada petunjuk tentu arah pergerakan

Saham & Anda



Zainal Ariffin Osman
 Pemegang lesen Wakil Peniaga dan Pasaran Hadapan berdaftar di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd

Penanda aras Bursa Malaysia, FBM KLCI masih lagi mendatar dan belum ada tanda positif yang menunjukkan arah aliran menaik atau menurun, walaupun pasaran Amerika dan serantau mencecah paras tertinggi.

Pada Isnin, KLCI ditutup naik 1.36 mata kepada 1,742.29, dengan minat belian yang sederhana.

Pasaran saham Asia kebanyakannya rendah pada Isnin meskipun Wall Street mencatat rekod tertinggi dalam sejarah pada hari Jumaat dan kenaikan harga minyak mentah.

Jumlah dagangan bursa tempatan kekal tinggi pada 3.001 bilion saham bernilai RM2.081 bilion.

Dari segi sektor, sektor perladangan mencatat keuntungan dengan kenaikan oleh Sarawak Oil Palms + RM0.17 (+ 3.74%), IOI Corp + RM0.11 (+ 2.46%), Kim Loong + RM0.10 (+ 2.17%) dan United Melaka + RM0.07 (+ 1.01%).

Kaunter rugi yang lain termasuk Padini + RM0.21 (+ 4.46%), Apex Healthcare + RM0.20 (+ 3.81%), MAHB + RM0.15 (+ 1.79%), KESM + RM0.62 (+ 3.67%), PMB Tech + RM0.62 (+ 14.03%), MISC + RM0.30 (+ 4.22%) dan Top Glove + RM0.30 (+ 4.22%).

Kaunter rugi termasuk Petronas Dagangan -RM0.86 (-3.67%), Ajinomoto -RM0.66 (-3.42%), Petronas Gas -RM0.60 (-3.39%), BAT -RM0.54 (-1.43%), PERSTIMA -RM0.28 (-6.22%) dan GHL -RM0.07 (-4.32%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk asing bersih pada Isnin berada pada RM37.4 juta. Ringgit lebih rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) kepada 4.235.

FBM KLCI naik 8.65 mata pada 1,750.94 mata, dengan disokong oleh kaunter saham mewah, termasuk Petronas Gas + RM0.54 (+ 3.16%), YTL + RM0.04 (+ 3.15%), IHH + RM0.12 (+ 2.15%), Genting + RM0.48 (+ 5.41%) dan Genting Malaysia + RM0.25 (+ 4.95%).

Urus niaga tempatan meningkat

Pasaran saham Asia melonjak kepada paras tertinggi untuk jangka masa satu dekad dengan indeks Nikkei Jepun melonjak ke paras tertinggi sejak 1992 pada hari Selasa, sementara harga minyak masih kukuh dan bertahan pada paras tertinggi dalam masa dua tahun berikutan langkah Kerajaan Arab Saudi membasmi rasuah.

Jumlah urus niaga tempatan meningkat kepada 3.021 bilion saham bernilai RM2.665 bilion. Semua sektor berakhir dengan bercampur-campur di bursa tempatan.

Kaunter untung termasuklah MPI + RM0.26 (+ 1.85%), Hartalega + RM0.24 (+ 3.09%), Padini + RM0.22 (+ 4.47%), MHB + RM0.07 (+ 8.7%), Guan Chong + RM0.07 (+ 3.57%), Serba

Pergerakan FBM KLCI

NOVEMBER 2017
RM1,747.28



2017 Mac Apr Mei Jun Jul Ogos Sept Okt Nov

Dinamik + RM0.07 (+ 2.61%) dan BJCorp + RM0.25 (+ 7.14%).

Kaunter rugi pula termasuk Gamuda -RM0.26 (-5.13%), Aeon Kredit -RM0.26 (-1.78%), Lafarge Malaysia -RM0.24 (-3.51%), Pmetal -RM0.20 (-3.85%), AirAsia -RM0.18 (-5.36%), Time dotcom -RM0.16 (-1.69%), PMB Tech -RM0.14 (-2.78%) dan IOI Corp -RM0.08 (-1.74%) dan Johotin -RM0.05 (-3.31%).

Rizab antarabangsa Bank Negara meningkat AS\$300 juta kepada AS\$101.5 bilion atau RM428.9 bilion pada 31 Oktober 2017, daripada AS\$101.2 bilion pada 29 September 2017.

Pelabur berhati-hati

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran asing masuk bersih pada Selasa adalah RM90 juta. Ringgit mengukuh berbanding dolar AS kepada 4.2298 selepas minyak mentah melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh lebih daripada dua tahun.

FBM KLCI turun 6.74 mata pada 1,744.20 mata. Pasaran Asia ditutup bercampur-campur pada hari Rabu berikutan pelabur mencari arah selepas Wall Street ditutup bercampur-campur.

Pelabur di rantau ini mengambil langkah berhati-hati sambil mencerna data perdagangan yang dikeluarkan oleh China dan juga lawatan Presiden AS, Donald Trump ke Asia.

Bursa tempatan didagangkan dengan jumlah dagangan menyusut kepada 2.599 bilion saham bernilai RM2.139 bilion. Semua sektor berakhir lebih rendah dengan hanya sektor hartanah dan pengguna yang ditutup tinggi.

Kaunter untung termasuk KESM + RM0.40 (+ 3.95%), Hartalega + RM0.30 (+ 3.75%), AHEALTH + RM0.25 (+ 4.59%), OFI + RM0.09 (+ 6.2%), BJLAND + RM0.07 (+ 17.5%), dan SUNSURLIA + RM0.04 (+ 2.92%).

Kaunter rugi pula termasuk PETGDAG -RM0.26 (-3.21%), PETGAS -RM0.58 (-3.29%), SCGM -RM0.16 (-5.71%), IQGROUP -RM0.09 (-2.91%) dan TUNEPRO -RM0.04 (-3.36%).

FBM KLCI naik 2.61 mata

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar asing bersih pada Rabu adalah RM18 juta. Ringgit tidak berubah berbanding dolar AS pada 4.2295.

FBM KLCI naik 2.61 mata kepada 1,746.81 mata. Saham Asia ditutup lebih tinggi pada hari Khamis, dengan beberapa berita yang optimis kembali ke pasaran bagi Oktober dan pelabur terus menjadikan ekuiti sebagai aset pilihan.

Jumlah dagangan tempatan adalah lebih tinggi kepada 3.091 bilion saham bernilai RM2.339 bilion. Sektor berakhir kebanyakannya naik, kecuali sektor hartanah, pembinaan dan perdagangan/perkhidmatan yang ditutup rendah.

Kaunter untung termasuk BAT + RM1.50 (+ 3.91%), PETGAS + RM0.64 (+ 3.75%), HENGYUAN + RM0.59 (+ 6.35%), PETRONM + RM0.54 (+ 4.43%), GENTING + RM0.31 (+ 3.38%), BISON + RM0.11 (+ 4.25%), PIE + RM0.11 (+ 5.31%) dan WASEONG + RM0.06 (+ 5.55%).

Kaunter Rugi termasuk MPI -RM0.40 (-2.82%), ECONBHD -RM0.13 (-4.14%), KAWAN -RM0.11 (-3.56%), WILLOW -RM0.10 (-8.47%) dan DAYANG -RM0.025 (-2.89%).

Kadar dasar semalaman kekal

Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara mengekalkan kadar dasar semalaman kepada tiga peratus. Ringgit tidak berubah berbanding dolar AS kepada 4.2065.

FBM KLCI turun 4.53 mata pada 1,742.28 mata. Kebanyakan pasaran saham Asia tutup pada hujung minggu dengan nota negatif pada Jumaat apabila

peniagaimbang dengan prospek rancangan percukaian Trump dan pelabur menjalankan aktiviti mengambil keuntungan selepas kenaikan baru-baru ini.

Jumlah urus niaga tempatan naik lebih tinggi kepada 3.097 bilion saham bernilai RM2.132 bilion. Sektor kebanyakannya berakhir dengan lebih rendah, tetapi sektor pengguna, perombangan dan teknologi di tutup lebih tinggi.

Kaunter untung termasuk KESM + RM0.56 (+ 3.0%), VITROX + RM0.39 (+ 7.44%), HARTA + RM0.40 (+ 4.82%), PADINI + RM0.20 (+ 3.92%) + RM0.17 (+ 8.89%), ZHULIAN + RM0.06 (+ 3.26%) dan HIBISCS - RM0.05 (+ 7.48%).

Kaunter rugi termasuk KMLOONG -RM0.24 (-4.68%), MSC -RM0.11 (-3.06%), GENM -RM0.10 (-1.94%), WELLCALL -RM0.05 (-3.4%) dan TEXCHEM - RM0.07 (-6.48%). Sebanyak 371 kaunter untung berbalas 479 kaunter rugi.

Aliran keluar bersih

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih pada Jumaat adalah RM58.3 juta. Ringgit turun berbanding dolar AS kepada 4.2065.

Bank Negara Malaysia (BNM) memberi isyarat yang kuat, akan menaikkan kadar dasar semalaman selepas mesyuarat pembuat dasar pada Jumaat.

Ini berikutan pengukuhan di dalam ekonomi makro tempatan dan antarabangsa dan BNM mempertimbangkan untuk menaikkan kadar dasar semalaman untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Tulisan ini bukan memberi saranan untuk membeli atau menjual saham. Ia adalah berbentuk komentar penulis terhadap pasaran saham secara umum dan sebagai pendidikan kepada pelabur di Bursa Malaysia.